

24 APRIL 2018

Sembilan lelaki ditahan kes dadah

Sembilan lelaki ditahan kes dadah

PASIR MAS 23 April - Sebanyak 359 biji pil kuda dan 8.25 gram syabu berjaya dirampas oleh polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan dalam empat serbuan berasingan di sekitar jajahan ini bermula 17 hingga 20 April lalu.

Dalam serbuan tersebut, polis turut menahan sembilan lelaki berusia 27 hingga 67 tahun dan merampas dua laras senapan angin serta wang tunai berjumlah RM2,519.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Abdullah Mohamad PiaH berkata, kesemua rampasan dadah itu bernilai RM6,622.

Menurutnya, kejayaan itu menguatkan lagi semangat anggota untuk terus bekerja keras bagi membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat di daerah ini.

"Dalam serbuan pertama pada 17 April lalu, kita berjaya menahan seorang buruh berusia 27 tahun dan merampas 90 biji pil kuda bernilai RM1,350.

"Dalam serbuan kedua pula, sebanyak 176 biji pil kuda bernilai RM2,640 berjaya dirampas selepas menahan seorang mekanik di Kampung Semuba, Chetok pada 19 April lalu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.



ABDULLAH MOHAMAD PIAH (tengah) menunjukkan senapan angin serta dadah yang dirampas polis dalam serbuan di sekitar Pasir Mas dan Rantau Panjang, Kelantan, semalam.